

Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dalam Aspek Kualiti Udara Dalam

Sytty Mazian Mazlan^a (P80184), Muhammad Rizal Razman^a dan Kadir Arifin^b

^aInstitut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

^bFakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

Penyataan Masalah: Kajian ini mengetengahkan permasalahan pokok iaitu adakah kejayaan pengurusan persekitaran pekerjaan yang lestari berdasarkan perundangan dan bukan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam aspek kualiti udara dalaman berdasarkan teori sosiologi alam sekitar dipengaruhi oleh salah satu atau kombinasi di antara pendekatan holistik dan reduksionisme. **Objektif:** Mengenalpasti perundangan dan bukan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam aspek kualiti udara dalaman dalam mempengaruhi kejayaan pengurusan persekitaran pekerjaan yang lestari. **Metodologi:** Penyelidikan kualitatif digunakan bagi mendapatkan dapatan kajian dalam pengumpulan data-data sekunder dengan menggunakan perisian NVIVO 11. **Hasil:** Tiga perundangan telah dikenalpasti iaitu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan dua bukan perundangan iaitu Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Kod Amalan Kecekapan dan Penggunaan Tenaga yang Diperbaharui untuk Bangunan Bukan Kediaman (MS 1525:2014). Governans kelestarian daripada pelbagai pihak kepentingan sama ada di peringkat kerajaan, industri dan orang awam adalah penting dalam pelaksanaan perundangan dan bukan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam mewujudkan kejayaan pengurusan persekitaran pekerjaan yang lestari. **Kesimpulan:** Interaksi antara kumpulan organisasi manusia dan alam sekitar adalah penting dalam mewujudkan pengurusan persekitaran pekerjaan yang lestari dan juga selaras dengan keperluan Prinsip 1, 4, 10 dan 15 Deklarasi Rio 1992.